

# **METRO**

TARIKH	16 / 12 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	44	RUANGAN	BISNES

## **Bank Islam sumbang RM80,000**

**Kuala Lumpur:** Bank Islam Malaysia Bhd (Bank Islam) tampil menghulurkan sumbangan berjumlah lebih RM80,000 untuk meringankan beban mangsa banjir yang melanda Kuantan, Pahang, Chukai, Terengganu dan Segamat, Johor baru-baru ini.

Pengarah Urusannya, Datuk Seri Zukri Samat berkata, sumbangan berkenaan wajar diberikan kepada mangsa banjir yang berada dalam kesukaran serta kekurangan akibat bencana banjir itu.

Beliau berkata, Bank Islam turut menghulurkan barang makanan, air minuman, bantal, selimut dan juga ubat-ubatan yang menjadi keperluan penting dalam situasi berkenaan.

"Selain itu, Bank Islam juga turut menawarkan moratorium bayaran bulanan pinjaman dan pengecualian caj tertentu untuk meringankan beban mangsa-mangsa banjir di bawah program yang diberi nama 'Program Prihatin Bank Islam', " katanya.